

**BAHAGIAN A : 60 MARKAH****ARAHAN :**

Bahagian ini mengandungi **EMPAT PULUH (40)** soalan objektif. Tandakan jawapan anda di dalam borang OMR yang disediakan.

CLO 1  
C 2

1. Berikut merupakan ciri-ciri persamaan antara semua tamadun KECUALI..

- A. Urbanisasi atau pembangunan bandar.
- B. Pengabdian diri kepada Yang Maha Esa.
- C. Penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat.
- D. Pembentukan sistem pemerintahan dan pentadbiran.

CLO 1  
C 2

2. Pilih kenyataan **PALING TEPAT** yang merujuk kepada kepentingan agama dalam pembentukan sesebuah tamadun.

- A. Kesan peninggalan tamadun silam menunjukkan kehidupan beragama.
- B. Semua tamadun dunia berteraskan doktrin agama dan kepercayaan tertentu.
- C. Budi pekerti yang tinggi hanya datang semata-mata daripada ajaran agama tertentu.
- D. Sistem pengelasan masyarakat wujud adalah hasil daripada pengamalan ajaran agama.

CLO 1  
C 2

3. Pilih faktor utama kelahiran dan perkembangan sesebuah tamadun?

- i. Rangsangan dari kehendak rakyat dan pemerintah.
  - ii. Interaksi antara sesuatu bangsa dengan bangsa yang lebih maju.
  - iii. Cita-cita sesuatu bangsa untuk mendominasi bangsa-bangsa lain.
  - iv. Penghayatan yang tinggi terhadap nilai-nilai murni dalam kehidupan.
- A. i dan ii.
  - B. i dan iii.
  - C. ii dan iii.
  - D. ii dan iv.

SULIT



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN  
JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**JABATAN PENGAJIAN AM**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SESI JUN 2013**

**AC101: TITAS**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2013  
TEMPOH : 2 JAM (2.30 PM - 4.30 PM)**

Kertas ini mengandungi **TIGA BELAS (13)** halaman bercetak.  
Bahagian A: Objektif (40 soalan)  
Bahagian B: Struktur (2 soalan)  
Dokumen sokongan yang disertakan : Tiada

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIARAHKAN**

(CLO yang tertera hanya sebagai rujukan)


SULIT

- CLO 1  
C 1
9. Ras Melayu selalunya bertutur di dalam kumpulan keluarga bahasa yang sama merangkumi bahasa-bahasa seperti Jawa, Sunda, Minangkabau, Bugis dan Sulu.

Apakah nama kumpulan keluarga bahasa tersebut.

- A. Melayu – Indo.
- B. Melayu – Jawi.
- C. Melayu - Jawa.
- D. Melayu – Indonesia.

- CLO 1  
C 2
10. Soalan berikut berdasarkan gambarajah di bawah.



Perkembangan penyebaran Islam ke Alam Melayu didorong oleh beberapa faktor seperti di atas. Pilih faktor di bawah yang mempunyai perkaitan dengan kenyataan tersebut.

- A. Seni.
- B. Bahasa.
- C. Dakwah.
- D. Ekonomi

- CLO 1  
C 1
11. Kerajaan Kedah Tua juga dikenali sebagai kerajaan ...

- A. Angkor.
- B. Srivijaya.
- C. Majapahit.
- D. Lembah Bujang.

- CLO 1  
C 1
4. Orang Asli di Semenanjung Malaysia dibahagikan kepada tiga kumpulan utama iaitu...

- A. Orang Ulu, Negrito dan Bateq.
- B. Negrito, Senoi dan Melayu Proto.
- C. Melayu Polinesia, Penan dan Senoi.
- D. Orang Hilir, Orang Darat dan Orang Baruh.

- CLO 1  
C 1
5. Kesan interaksi dengan tamadun asing, adat dan tradisi masyarakat orang Asli di Malaysia telah dipengaruhi oleh kemasukan agama ...

- A. Islam dan Hindu.
- B. Islam dan Kristian.
- C. Kristian dan Budha.
- D. Konfusian dan Taoism.

- CLO 1  
C 2
6. Berikut adalah langkah kerajaan Malaysia untuk memodenisasikan masyarakat orang Asli KECUALI...

- A. Mewujudkan penempatan semula.
- B. Memberi bantuan kewangan bulanan.
- C. Membekalkan peralatan untuk menjana ekonomi keluarga.
- D. Menyediakan kemudahan pendidikan rendah, menengah dan tinggi.

- CLO 1  
C 2
7. Berikut adalah kesan negatif pembangunan masyarakat Pribumi di Malaysia.


- A. Bersikap lebih terbuka.
- B. Menerima budaya Barat.
- C. Menjana ekonomi yang bersifat komersial dan berdaya saing.
- D. Meningkatkan pengetahuan untuk memajukan masyarakat dan negara.

- CLO 1  
C 1
8. Kepulauan Melayu juga disebut sebagai Gugusan Kepulauan Melayu-Indonesia, Nusantara, Alam Melayu serta ...

- A. Tanah Jawi.
- B. Tanah Jawa.
- C. Gugusan Jawi.
- D. Gugusan Jawa.

CLO 1  
C 2

15. Soalan berikut adalah berdasarkan peta ketamadunan di India zaman dahulu.



Kawasan berlakar di atas menunjukkan kawasan ....

- A. Lembah Bihar
- B. Lembah Indus.
- C. Lembah Kerala.
- D. Lembah Raipur.

CLO 1  
C 2

16. Sistem falsafah India *Yoga* adalah berkonsepkan ...

- A. tuhan mutlak dan realiti ketuhanan.
- B. seni mutlak dan realiti kebudayaan.
- C. budaya mutlak dan realiti kesenian.
- D. hidup mutlak dan realiti kesenian hidup.

CLO 1  
C 2

17. Pernyataan berikut adalah berkenaan Sungai Kuning KECUALI ...

- A. Dikenali dengan nama Yangtze.
- B. Membawa kepada ketamadunan China.
- C. Membantu pertumbuhan bandar-bandar sepanjangnya.
- D. Merupakan pusat pertumbuhan peradaban kuno dan terawal.

CLO 1  
C 1

12. Pemerintah Shah Jehan (1628-1658 M) dianggap sebagai zaman keemasan pemerintahan Monghul di India, khususnya dalam bidang seni bina.

Manakah antara berikut merupakan pencapaian cemerlang beliau dalam seni bina?

- A. Qutb Minar.
- B. Fatehpur Shikri.
- C. Taj Mahal dan Tahta Merak.
- D. Kota Delhi dan Kota Mumbai.

CLO 1  
C 2

13. Tamadun India dilihat sebagai sebuah tamadun yang berasaskan agama. Dua agama besar yang memberi pengaruh terhebat dalam ketamadunan India diantaranya adalah ...

- A. Sikh dan Vedik.
- B. Hindu dan Islam.
- C. Hindu dan Varna.
- D. Islam dan Brahmin.

CLO 1  
C 2

14. Pernyataan berikut adalah berkenaan keunikan sistem kasta KECUALI ...

- A. Dikenali juga sebagai Varna.
- B. Diamalkan oleh penganut agama Hindu.
- C. Kasta boleh dikenali melalui warna kulit.
- D. Golongan Brahmin dikenalpasti melalui kulit berwarna gelap.

- CLO 1  
C 1 22. Konsep Ninja dalam tamadun Jepun berkaitan dengan ...  
A. ketekunan.  
B. keturunan.  
C. pemulauan.  
D. perikemanusiaan.
- CLO 1  
C 1 23. Fahaman Neo-Confusianisme di Jepun menekankan kepada ...  
A. kekayaan adalah segala-galanya.  
B. kekuatan tentera bersama ekonomi.  
C. kekuatan moral atas kejayaan negara.  
D. rasa hormat orang bawah kepada orang atasan.
- CLO 1  
C 1 24. Interaksi negara Jepun dengan Negara China pada zaman Yayoi telah meningkatkan ilmu pengetahuan yang penting kepada Jepun dalam bidang ...  
A. makanan.  
B. pertanian.  
C. pentadbiran.  
D. ketenteraan.
- CLO 1  
C 2 25. Interaksi Jepun dengan kuasa-kuasa Barat telah memberi kesan yang positif dan negatif kepada kemodenan negara Jepun.  
Berikut adalah kesan pengaruh Barat terhadap negara Jepun KECUALI...  
A. budaya kesopanan.  
B. terhapus sistem feudal.  
C. kejatuhan Kesyogunan Tokugawa.  
D. pembentukan dasar Pemuliharan Meiji.
- CLO 1  
C 1 26. Zaman moden Jepun telah dirintis oleh seorang Maharaja yang masih muda dengan gelaran ....  
A. Maharaja Zen.  
B. Maharaja Meiji.  
C. Minamoto Yoritomo.  
D. Maharaja Matsumoto.

- CLO 1  
C 2 18. Soalan berikut adalah berdasarkan gambarajah di bawah.
- 
- Pilih kenyataan yang **TEPAT** berdasarkan gambarajah di atas.
- A. Susun Lapis Masyarakat China.  
B. Susun Lapis Masyarakat Istana di China.  
C. Susun Lapis Masyarakat Bandar di China.  
D. Susun Lapis Masyarakat Kampung di China.
- CLO 1  
C 1 19. ..... adalah dinasti yang mencapai zaman puncak keagungan dalam Tamadun Cina.  
A. Dinasti Hsia.  
B. Dinasti Tang.  
C. Dinasti Ming.  
D. Dinasti Manchu.
- CLO 1  
C 1 20. Konsep  *atau  *merujuk kepada maksud ...  
A. patuh atau taat.  
B. kuasa dan nasib.  
C. dengar dan lihat.  
D. lorong atau jalan.**
- CLO 1  
C 1 21. Susunan moral dalam Konfusianisme berhubungkait dengan ...  
A. bumi dan neraka.  
B. langit dan syurga.  
C. lautan dan kematian.  
D. sungai dan kehidupan.

CLO 2  
C 2

30. Golongan agama berperanan bagi mempercepatkan proses interaksi antara tamadun. Pernyataan berikut adalah peranan golongan agama dalam interaksi antara tamadun KECUALI ...

- A. Mengajak seluruh lapisan masyarakat menghargai semua kebaikan.
- B. Mempastikan tidak ada golongan fakir dan miskin wujud dalam masyarakat.
- C. Menggalakkan semua manusia melihat kepada persamaan dan asal usul kejadian.
- D. Menyeru manusia menghilangkan perasaan somborg dan ego terhadap bangsa sendiri.

CLO 2  
C 2

31. Interaksi antara tamadun akan berlaku dengan mudah seandainya wujud perkara-perkara berikut.

- i. Sikap saling bekerja sama.
  - ii. Semangat toleransi yang tinggi.
  - iii. Semangat kebangsaan yang kuat.
  - iv. Sikap saling hormat menghormati.
- A. i, ii dan iii.
  - B. i, ii dan iv.
  - C. ii, iii dan iv.
  - D. i, ii, iii dan iv.

CLO 2  
C 2

32. Berikut adalah interaksi tamadun dalam lingkungan budaya yang sama KECUALI ...

- A. Mengamalkan nilai-nilai yang sama.
- B. Tinggal dalam sebuah negara yang sama.
- C. Mempunyai jumlah kekayaan yang sama.
- D. Mempunyai bentuk kepercayaan yang sama.

CLO 2  
C 2

33. Interaksi tamadun antara kumpulan migran dan bukan migran ( pemastautin ) agak sukar berlaku adalah disebabkan

- A. Sikap buruk sangka yang tinggi.
- B. Perbezaan fahaman politik, budaya dan sosial.
- C. Keinginan golongan migran untuk menguasai kepimpinan negara.
- D. Sikap golongan bukan migran yang enggan memberikan kerja sama.

CLO 1  
C 2

27. Kedudukan politik yang kukuh dan kuat akan membantu memanjangkan jangka hayat sesebuah tamadun. Ini disebabkan

- i. Pihak luar tidak berupaya menakluki negara mereka.
  - ii. Rakyat negara berkenaan bersikap somborg dan angkuh.
  - iii. Negara-negara kecil meletakkan penggatungan mereka kepada negara yang kuat.
  - iv. Perkara yang diperkenalkan oleh negara yang kuat akan dihormati kerana pengaruh politiknya.
- A. i dan ii.
  - B. ii dan iii.
  - C. i, ii dan iii.
  - D. i, iii dan iv.

CLO 1  
C 2

28.

"Tertegaknya sesebuah umat itu disebabkan ketinggian moralnya. Sekiranya moral mereka hilang, maka umat tersebut akan lenyap"

Petikan di atas membawa maksud seperti berikut KECUALI ...

- A. Sesebuah masyarakat akan musnah akibat mengabaikan moral dan akhlak.
- B. Perkuuhkan moral dan akhlak baik nescaya ia akan mengekalkan ketamadunan yang dimiliki.
- C. Memiliki akhlak dan moral yang sempurna merupakan syarat untuk menjadi seseorang pemimpin negara.
- D. Apabila akhlak dan moral yang buruk menjadi amalan sesebuah masyarakat ia akan membawa kepada kehancuran tamadun yang dibina.

CLO 1  
C 2

29.

Berikut adalah faktor-faktor yang mempengaruhi kekuatan sesebuah tamadun KECUALI ..

- A. Harta yang banyak membantu mengekalkan tamadun.
- B. Ajaran agama dan amalan kerohanian dalam kalangan masyarakat.
- C. Kesusahan dan keperitan hidup rakyat mendorong mereka menghargai kejayaan yang dicapai.
- D. Kesediaan pemimpin dan anggota masyarakat menerima sumber yang baik dari pada pihak luar.

SULIT	AC 101: TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA	SULIT	AC 101: TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA
CLO 3 C 2	<p>38. Antara cara yang digunakan Barat untuk mengekalkan pengaruh hegemoni mereka ialah seperti berikut KECUALI ...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A. Mengambil tindakan ketenteraan ke atas sesebuah negara.</li> <li>B. Tidak memberikan apa-apa bantuan kepada negara-negara miskin.</li> <li>C. Mengenakan tekanan politik dan ekonomi ke atas sesebuah negara.</li> <li>D. Menghalang negara-negara tertentu untuk menjalin kerja sama dengan negara yang dimusuhi.</li> </ul>	CLO 2 C 2	<p>34. <i>Ethnic cleansing</i> (Penghapusan etnik) yang berlaku di negara Bosnia adalah kesan daripada interaksi negatif yang wujud dalam kalangan masyarakat manusia. Ia boleh berlaku kerana</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A. Perbezaan budaya.</li> <li>B. Kemajuan negara yang dicemburui.</li> <li>C. Anutan kepercayaan agama yang berbeza.</li> <li>D. Sikap hormat menghormati bertukar kepada sikap benci membenci.</li> </ul>
CLO 3 C 2	<p>39. Penguasaan bidang ekonomi dan menjadikan mata wang dolar sebagai mata wang dunia merupakan antara perancangan terancang Zionis untuk menguasai dunia dalam pelbagai aspek. Ia dianggap cabaran abad ke 21 adalah kerana langkah tersebut membolehkan mereka ...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A. menakluki dunia dengan lebih mudah.</li> <li>B. mengenakan tekanan kepada negara tertentu.</li> <li>C. campur tangan secara lansung dalam pasaran saham antarabangsa dan memiliki syarikat-syarikat besar.</li> <li>D. mempunyai kedudukan di persada dunia yang tidak mungkin jatuh kerana mempunyai kekuatan kewangan yang mantap.</li> </ul>	CLO 3 C 1	<p>35. Berikut adalah ancaman utama yang dihadapi masyarakat tamadun Islam dan Asia KECUALI ...</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A. Globalisasi.</li> <li>B. Hegemoni Barat.</li> <li>C. Imperialisme baru.</li> <li>D. Kebangkitan China.</li> </ul>
CLO 3 C 2	<p>40. Pengaruh dunia Barat ke atas seluruh manusia hari ini dapat dilihat di mana-mana pelusuk dunia. Apakah punca utama senario ini berlaku?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A. Kuasa politik Barat yang dominan.</li> <li>B. Kesan sejarah penjajahan Barat yang panjang.</li> <li>C. Kestabilan ekonomi Barat selepas Perang Dunia Kedua.</li> <li>D. Kemajuan sains dan teknologi Barat yang jauh kehadapan.</li> </ul>	CLO 3 C 1	<p>36. Bagaimanakah media berperanan dalam menyebarkan hegemoni Barat?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A. Mewujudkan persaingan sihat dengan agensi berita tempatan.</li> <li>B. Menguasai media-media tempatan melalui penguasaan ekonomi.</li> <li>C. Menyebarluaskan persepsi Barat dalam semua peristiwa yang berlaku.</li> <li>D. Menyebarluaskan berita yang benar dan menarik kepada masyarakat dunia.</li> </ul>
		CLO 3 C 2	<p>37. Teknologi moden banyak memberi manfaat kepada manusia. Namun ia juga boleh menjadi satu cabaran kepada manusia sejagat. Pilih kenyataan berikut yang menjadi cabaran tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Budaya hidup yang negatif mudah disebarluaskan.</li> <li>ii. Tiada jaminan keselamatan maklumat pada masa akan datang.</li> <li>iii. Berita-berita palsu mudah untuk dimanipulasikan oleh golongan tertentu.</li> <li>iv. Pihak tidak bertanggungjawab boleh menyampaikan propaganda mereka dengan mudah.</li> </ul> <p>A. i dan ii. B. ii dan iii. C. i, iii dan iv. D. ii, iii dan iv.</p>

***BAHAGIAN B : 40 MARKAH******ARAHAN:***

Bahagian ini mengandungi DUA (2) soalan eseai. Jawab semua soalan.

**SOALAN 1**

CLO 1  
C3 Dunia Melayu dewasa ini mendepani cabaran dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, politik dan sosial.

Berdasarkan kenyataan di atas, bincangkan **dua(2)** daripada cabaran yang dihadapi oleh dunia Melayu dan **dua(2)** pendekatan yang boleh diambil bagi mengembalikan kecemerlangan tamadun dunia Melayu.

(20 markah)

**SOALAN 2**

CLO3  
C2 Globalasasi pimpinan Barat yang melanda manusia kini mengundang nilai baik dan buruk ke atas seluruh sistem kehidupan manusia.

Bincangkan **dua(2)** peranan positif globalisasi dan **dua(2)** peranan negatif globalisasi terhadap pembangunan manusia sejagat.

(20 markah)

**SOALAN TAMAT**